

Koperasi Secara Islam dalam Kerangka Perundangan Malaysia

Ahmad Hidayat Buang*

Abstract

With the rapid and vigorous development of Islamic banking and finance in Malaysia, more people including of those who are non-Muslims are already familiar with the principles of Islamic mu'amalat applicable in banking, finance, investment and insurance. For this reason, very much attention has been given to above subjects. Little has been written on the subject of cooperative societies from the Islamic law point of view. This is however not unusual, as the conventional aspect of this subject was also less observed by other writers. Attention from Islamic point of view on the subject of cooperative societies is opportunely needed since many of its principles are said to be compatible with Islamic Shari'ah. This perception is therefore encouraging from the viewpoint of economics activities of the Muslims. In the view of current aggressive development in Islamic banking and finance, this article attempts to show the financial activities of cooperative societies as practiced in Malaysia is another viable alternatives to conventional banking, finance and investment. Some recommendations to amend certain provisions of the laws are made in order to ensure the system complies with the principles of the Syariah.

Sejarah Penubuhan Syarikat Koperasi dan Persoalan Riba

Usaha untuk menubuhkan syarikat koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1911 apabila Ketua Setiausaha Negeri-negeri Melayu Bersekutu menubuhkan satu

* Pensyarah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

jawatankuasa untuk menyiasat masalah-masalah yang timbul akibat daripada penubuhan syarikat bekerjasama kepada pekebun-pekebun kecil di dalam konteks kegagalan Tabong Pertanian Negeri Perak yang ditubuhkan pada tahun 1908.¹ Jawatankuasa tersebut melaporkan secara negatif penubuhan syarikat bekerjasama di kalangan orang Melayu kerana faktor-faktor berikut:

- (1) Orang-orang Melayu tidak berhasrat untuk menjadi kaya dengan cepat kerana kekayaan itu akan membawa bencana kepada mereka seperti perasaan hasad dengki sesama mereka, masih mengingati zaman pemerintahan dahulu yang tidak berperaturan (di mana harta seseorang diambil sesuka hati oleh pembesar-pembesar negeri), dan mempunyai fahaman tidak mempunyai harta adalah lebih baik kerana orang yang berharta akan menghadapi masalah (seperti kecurian dan permusuhan).
- (2) Orang-orang Melayu sedang mengalami pengalaman pahit transisi daripada ekonomi domestik yang bersifat *self-suffience* kepada ekonomi kewangan dan komersial.
- (3) Sungguhpun orang-orang Melayu membuat pinjaman dengan menggunakan faedah secara tidak langsung (melalui amalan jual-janji), pinjaman yang berasaskan faedah seperti yang diamalkan oleh syarikat bekerjasama adalah dilarang oleh agama Islam.

Faktor-faktor di atas ditambah lagi dengan bantahan keras oleh sesetengah ulama di Tanah Melayu kerana amalan riba di dalam syarikat bekerjasama ini menyebabkan rancangan untuk menubuhkan syarikat bekerjasama di Tanah Melayu tergendala sehingga tahun 1922.²

Apabila keadaan kemiskinan dan beban hutang para petani menjadi amat ketara maka pihak Inggeris cuba mencari jalan bagaimana masalah ini boleh diselesaikan. Mengikut laporan oleh satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Lord Winster kepada Fabian Colonial Bureau mendapati masalah hutang adalah musibah yang paling besar kaum petani di Malaya berbanding dengan negeri-negeri lain di dalam koloni Inggeris.

¹ Usaha pertama untuk menubuhkan Syarikat Koperasi adalah pada tahun 1907 tetapi tidak mendapat sambutan dari pegawai-pegawai Inggeris dan Syarikat-syarikat Perladangan Eropah. Lihat L.J. Fredericks, *The Co-operative Movement in West Malaysia: Policy, Structure and Institutional Growth*, Penerbit Universiti Malaya, 1986, h.1.

² N.A. Kularajah, *Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama*, (terjemahan oleh Nordin Abdul Hamid dan Aziz Manap), Petaling Jaya: Sharikat Perchetakan Kerjasama Se Malaysia Berhad, 1969, h.50.

Jawatankuasa itu juga mendapati masalah ini menjadi beban kepada petani kerana hasil-hasil pertanian mereka selalunya digadaikan kepada pihak pemiutang yang terdiri dari peniaga-peniaga China dan India. Amalan di dalam pinjaman ini ialah mengenakan bunga yang tinggi atas pinjaman dan melalui pembelian hasil-hasil pertanian dengan harga yang murah sekali.³ Sistem pembelian hasil-hasil pertanian bagi menjelaskan hutang ini dikenali dengan sistem padi kunca⁴ atau padi ratus.⁵ Oleh yang demikian satu cara bagi membantu petani telah difikirkan iaitu dengan menubuh syarikat bekerjasama setelah pihak Inggeris melihat kejayaan penubuhan syarikat tersebut di India, Burma dan Ceylon.

Masalah halangan dari segi larangan riba diatasi melalui satu perjumpaan yang diadakan pada 26 Jun 1922 di kalangan pemimpin Islam atas anjuran DYYM Sultan Perak yang memutuskan penyertaan di dalam keahlian syarikat bekerjasama adalah sah dan tidak sekali-kali melanggar kepada undang-undang Islam. Salinan kenyataan ini dicetak dan disebarikan di kalangan orang Melayu dan mendapat sokongan daripada tokoh-tokoh termuka Islam di negeri-negeri Melayu.⁶ Sebagai contoh sokongan kepada penubuhan syarikat bekerjasama ini diperolehi daripada Syaikul Islam negeri Kedah Haji Wan Sulaiman Wan Sidek dengan katanya: “Adapun yang pertama itu iaitu teranglah seperti bulan penuh purnama *lailat al-badr* atau seperti matahari rambang *shams al-duha* akan syarikat bekerjasama ini sebesar-besar guna dan faedahnya apabila dijalankan mengikut peraturan yang *muntaẓim* pada syarak dan adat iaitu termasuk ke dalam tuntutan-tuntutan ayat Quran dan hadis-hadis yang tersebut di atas itu dengan sebab-sebab mana-mana tempat yang sudah jadi pakatan itu berapalah terbit kesenangan bertolong-tolongan keluasan seperti yang telah saya dengar dan lihat siapa-siapa yang rasa makanan pertolongan Syarikat ini mengetahuilah ... dan saya sendiripun hingga sampai sekarang ini di dalam cita-cita dan boleh dikata *terliur* merasa suka hendak masuk di dalam member syarikat ...”⁷

³ *Co-operative Movement in the Colonies: A Report From A Special Committee for the Fabian Colonial Bureau*, London: George Allen & Unwin Ltd., 1945, h.84.

⁴ N.A.Kularajah, *op.cit.*, h.47.

⁵ Untuk keterangan lebih lanjut mengenai sistem padi kunca dan padi ratus ini lihat Abdul Majid, “Co- Operative Movement Amongst Malays”, *Intisari (The Reserach Quarterly of Malaysia)*, volume 1, number 2, hh.44-45.

⁶ *Ibid.*, h.52 dan L.J. Fredericks, *op.cit.*, h.2.

⁷ Rencana Perjumpaan Agung Yang Kelima Wakil-wakil Syarikat Bekerjasama Semenanjung Tanah Melayu Bagi Tahun 1930, hh.40-46 (dipetik dari William R. Roff, *Kerjasama dan Koperasi di Semenanjung 1910 –1941: Petikan Dari Bahan-bahan Terbitan Sezaman*, Penerbit Universiti Malaya, 1984, hh.180-1).

Syarikat bekerjasama akhirnya ditubuhkan di negeri-negeri Melayu pada 1 Julai 1922 dengan penggubalan Undang-undang Syarikat Bekerjasama-sama (Ordinan no.7, 1922). Undang-undang disemak semula dan dinamakan sebagai Enakmen Syarikat Bekerjasama 1922 (Cap 97). Masalah atau halangan riba di dalam penubuhan syarikat ini mengikut Roff tidaklah sebesar sebagaimana yang digembar gemburkan, kerana daripada keterangan yang didapati menunjukkan masalah sebenar di dalam penubuhan syarikat koperasi di kalangan orang Melayu ialah kesulitan di dalam mencari dan melatih kakitangan Melayu yang berkelayakan untuk mengawasi Jabatan Syarikat Bekerjasama dan lain-lain faktor yang berpunca daripada polisi pentadbiran Inggeris sendiri.⁸ Pandangan ini mungkin dilihat dari sudut praktikal penubuhan syarikat tersebut, kerana dari sudut intelektual ulama dan masyarakat Melayu meragui kesahihan syarikat ini, sungguhpun wujud fatwa yang menyatakan keharusannya.

Punca Bantahan Masyarakat Melayu Islam Kepada Syarikat Koperasi di Zaman Awal

Para ulama sejak dari mula penubuhan syarikat bekerjasama telah mempersoalkan mengenai kesahihan urusan syarikat bekerjasama ini. Mentaliti para ulama adalah bersikap skeptik terhadap pembaharuan-pembaharuan yang dibawa oleh pihak penjajah. Perkara ini adalah sesuatu yang biasa bagi umat Islam pada zaman itu dan tidak terhad semata-mata di Semenanjung Tanah Melayu bahkan juga di serata tempat negara Islam yang menolak kemajuan barat sebagai ciptaan syaitan dan tali barut kristian serta yahudi. Sebagai contoh di negeri Mesir dan Turki fatwa telah dikeluarkan menolak teknologi percetakan kerana dikatakan kuasa wap yang menjana mesin cetak itu berpunca dari kuasa syaitan dan tangan yang mengendali percetakan itu (selalunya oleh orang bukan Islam) tidak *thiqah* dari segi agama untuk mencetak buku-buku tafsir, hadith dan fiqh. Oleh itu di Turki dan Mesir hanya buku-buku sekular sahaja yang dibenarkan dicetak buku-buku agama masih ditulis tangan sehingga di akhir kurun kesembilan belas.⁹ Bahkan di Arab Saudi sehingga tahun 1940-an telefon, *wireless* dan pembesar suara di Masjid al-Haram Mekkah ditolak penggunaannya kerana ianya adalah suara Syaitan yang bercakap di corong-corong alat-alat itu!¹⁰

⁸ *Ibid.*, h.143 dan L.J.Fredericks, *op.cit.*, h.15.

⁹ George Antonius, *The Arab Awakening*, London: Hamish Hamilton, 1961 (reprinted from 1938), h.38.

¹⁰ George Kheirallah, *Arabia Reborn*, The University of New Mexico Press, 1952, hh.305-306.

Persoalan syarikat bekerjasama jika diteliti perbahasan di kalangan alim ulama Melayu pada masa awal penubuhan syarikat bekerjasama kritikan yang diberikan ialah masalah riba. Perkara ini timbul kerana sebagaimana yang dikatakan di atas tujuan penubuhan syarikat ini adalah untuk menghapuskan beban hutang masyarakat petani Melayu dan menyediakan saluran pinjaman yang murah dan mudah kepada mereka dan akhirnya diharapkan mereka dapat berdikari dan membebaskan daripada belenggu hutang. Oleh yang demikian syarikat-syarikat bekerjasama pada awal penubuhannya adalah berbentuk syarikat bekerjasama pemberi kredit.¹¹ Sebagaimana dengan amalan-amalan perbankan yang wujud ketika itu pemberian kredit ini berasaskan kepada faedah. Para ulama pada masa itu tanpa ragu-ragu lagi memberi fatwa bahawa pinjaman dari syarikat bekerjasama yang melibatkan faedah adalah haram kerana ia adalah riba yang dilarang oleh al-Quran. Faktor keagamaan ini di samping faktor-faktor lain dikatakan mengapa orang Melayu kurang menggunakan perkhidmatan Bank yang diwujudkan pada ketika itu.¹²

Sungguhpun terdapat fatwa yang mengharamkan faedah pinjaman kredit syarikat bekerjasama, pandangan pihak berkuasa agama terutama pihak Sultan dan ulama-ulama rasmi nampaknya agak berbeza. A. Cavendish, Pengawal Jabatan Syarikat Bekerjasama Tanah Melayu, sebagai contohnya menulis seperti berikut: “Sultan Perak sendiri telah memberikan sebagai pendapatnya bahawa bayaran dan penerimaan faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang mengenai persatuan kerjasama kredit tidaklah bertentangan dengan rukun-rukun Islam dan tidak akan menyamai riba atau bunga ... Sejauh yang dapat saya fahami, kedudukan menerima dan membayar faedah seperti yang dijalankan oleh bank kerjasama Islam tidaklah merupakan penyelewengan yang melebihi daripada sekadar menghisap tembakau dan mendengar muzik”.¹³

Syaikul Islam Negeri Kedah Haji Wan Sulaiman Wan Sidek di dalam suratnya kepada Majlis Perjumpaan Agung Kelima Jabatan Syarikat Kerjasama pada 19 April 1930 menyatakan: “Ada juga orang-orang ulama di Kedah yang tiada hadir di dalam majlis

¹¹ Lim Tay Boh, *The Co-operative Movement in Malaya*, Cambridge At The University Press, 1950, h.3.

¹² Antara faktor-faktor lain ialah kerana proses penyimpanan dan pengeluaran wang impanan bank adalah rumit dan memakan masa. Adalah lebih mudah menyimpan wang dalam bentuk harta seperti membeli emas atau binatang ternakan serta tanah. Lihat Roff, *op.cit.*, hh.37-39.

¹³ A.Cavendish, *Co-operation as a Subject for Study in Malaya*, Pinang Gazette Press, 1922, hh.3-6 (dipetik daripada Roff, *op.cit.*, h.96).

mesyuarat itu dari kerana ia apa tiada hadir itu ada juga berbunyi sungutan di sesetengah pondok-pondok tok-tok haji dan tok lebai mengatakan haram jadi riba hingga jadi fitnah dan didapati pula ditulis di dinding masjid Kota Kuala Muda ada dalam satu distrik negeri Kedah dengan dikatanya: “pekerjaan syarikat adat itu haram dengan ijma ulama jadi kafir mereka yang melakukannya” maka hingga yang demikian itu ada di Kedah di dalam sedikit hari ini tiadalah diambil peduli kerana sungutan *i'tirad* pondok-pondok itu seperti kata pepatah Melayu “nyamuk salak bukit-bukit sahaja”, tentulah tiada berubah kerana tiada berani hendak penterangkan ... Maka sebaik-baik bagi kaum yang mengatakan haram jadi riba itu mahulah mereka itu muafakat mengadap raja atau kerajaan mereka itu memberi nasihat teguh, apabila diperkenankan dan bersetujuan nescaya diberhentikan daripada dijalankan syarikat itu tentulah kaum yang mengatakan tiada jadi riba itu tidak boleh berkata apa-apa lagi inilah yang terlebih patut terlebih baik daripada membanyak *qil* dan kata cerca dan *i'tirad* di luar-luar pondok hingga dikata kaum yang mengata tiada jadi riba itu sudah murtad”.¹⁴

Jawapan Syaikul Islam Negeri Kedah di atas menunjukkan perkara menubuhkan syarikat bekerjasama ini adalah di atas perintah pemerintah berdasarkan kepada *masalah* iaitu untuk menghapus beban hutang yang berlaku di kalangan orang Melayu Islam ketika itu daripada peniaga Cina dan ceti India. Penubuhan syarikat bekerjasama ini jelas menunjukkan penggunaan konsep *Siyasah Syar'iyah* pada masa itu sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Negeri Perak pada 15.2.1922 memutuskan sebagai: “DYMM Sultan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri bersetuju dengan sepenuhnya hati kaedah bekerjasama yang sedaya diperdirikan di dalam Jajahan Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu oleh satu daripada tujuan-tujuannya yang besar pergerakan itu ialah menghapuskan riba dan meringankan bebanan hutang serta menggalakkan kemahiran jimat cermat di antara segala orang di dalam negeri. Maka kerana demikian itu berharaplah Majlis ini akan sekalian orang-orang Islam menggunakan saving bank kerajaan dan juga akan masuk dan bantu syarikat-syarikat bekerjasama itu kerana jimat cermat dan pinjaman wang yang sedang cuba hendak didirikan oleh pegawai yang menjaga syarikat itu di antara rakyat, tukang, orang dalam jawatan kerajaan dan lain-lainnya di dalam negeri ini. Maka bayaran lebih di atas pinjaman-pinjaman dan peruntungan yang didapati daripada simpanan di dalam saving bank dan syarikat kerjasama itu tidaklah sekali-kali dengan apa jalannya pun boleh ditakdirkan menjadi riba yang dilarang oleh *sharak*”.¹⁵

¹⁴ Rencana Perjumpaan Agung Yang Kelima Wakil-wakil Syarikat Bekerjasama Semenanjung Tanah Melayu Bagi Tahun 1930, hh.40-46 (dipetik dari *ibid.*, h.183).

¹⁵ Dipetik dari *ibid.*, hh.97-8.

Adalah amat menarik untuk diperhatikan bahawa tiada perbahasan secara serius mengenai status atau bentuk akad syarikat kecuali catatan oleh Muhammad Mokhtar bin 'Ata yang dikatakan daripada YTM Raja Muda Perak yang menyentuh masalah kesahihan Syarikat Bekerjasama. Mengikut Undang-undang Syarikat Bekerjasama-sama 1922 (No.17) seksyen 18 Syarikat Kerjasama adalah sebuah badan koperat yang melalui namanya mempunyai hak untuk memegang harta, mengikat perjanjian dan berkuasa membuat dakwaan dan didakwa. Bentuk syarikat ini sudah tentulah berbeza dengan bentuk akad *syirkah* di dalam Islam yang mana perkara ini telah menimbulkan kemusykilan kepada pencatit catatan di atas kerana tidak terdapat nas fuqaha yang menerangkan bentuk syarikat kerjasama sebagaimana di atas. Mengikut catatan tersebut akad syarikat kerjasama di katakan termasuk di dalam kategori syarikat yang *fasad* kerana tidak mencukupi rukun-rukun syarikat yang diiktiraf di dalam mazhab Syafi'i iaitu syarikat '*inan*. Namun pengakuan dibuat bahawa di dalam masalah syarikat bekerjasama ini masalah tersebut tidak didapati dibincangkan oleh nas fuqaha. Oleh yang demikian penulis catatan tersebut menyimpulkan sebagaimana berikut: "sekalipun tiada kuasa kita *jazm* dan memutuskan haramnya sebab tiada mendapat nas fuqaha atas haram khusus itu masalah ini sekalian jikalau tiada jatuh syarat membayar lebih beserta dengan syarat *qard* yakni kasi pinjam wang kumpulan itu ...".¹⁶

Usaha-usaha pihak pentadbiran penjajah dan sokongan daripada Raja-raja Melayu serta beberapa alim ulama akhirnya menyebabkan persoalan mengenai keharusan faedah dan kesahihan syarikat bekerjasama telah diterima oleh masyarakat Melayu. Perkembangan selepas tahun 1930an menunjukkan pertambahan drastik dari segi jumlah ahli dan pertubuhan Syarikat Bekerjasama. Statistik menunjukkan sebanyak 70 Syarikat Bekerjasama kredit luar bandar dengan ahli seramai 2,200 orang telah ditubuhkan sehingga tahun 1939.¹⁷ Dapat disimpulkan bahawa persoalan larangan agama terutama masalah riba dan kesahihan akad syarikat kerjasama ini telah diatasi secara perundangan Islam pada masa dahulu. Keadaan ini kekal sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Namun dengan penubuhan undang-undang baru mengenai koperasi pada tahun 1948 serta kewujudan nilai-nilai baru dan perubahan-perubahan lain yang menyebabkan pandangan terhadap larangan riba dan kesahihan akad syarikat bekerjasama telah berubah. Tanggapan umum ulama Islam pada masa

¹⁶ Dipetik dari A.Cavendish, *op.cit.*, hh.99-100.

¹⁷ L.J.Fredericks, *op.cit.*, h.6.

sekarang ialah keseluruhan aktiviti koperasi tidak bercanggah dengan Islam melainkan aktiviti pinjaman hutang-piutang dan sebagainya yang melibatkan riba.¹⁸

Perkembangan Masa kini Syarikat Koperasi di Malaysia

Undang-undang Syarikat Bekerjasama 1922 telah diganti dengan undang-undang baru pada tahun 1948 (ordinan no.33 tahun 1948). Tujuan penubuhan ordinan ini adalah untuk menyelaraskan semua undang-undang mengenai koperasi di negeri-negeri di Tanah Melayu. Sebelum tarikh kuatkuasa ordinan tersebut gerakan koperasi dikawal oleh tujuh undang-undang yang berasingan di bawah pentadbiran kerajaan negeri-negeri Melayu Bersekutu, Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.¹⁹ Manakala di Sabah dan Sarawak masih menggunakan undang-undang tempatan masing-masing iaitu Ordinan Pertubuhan Syarikat Bekerjasama 1958 (No.3) di Sabah dan Ordinan Pertubuhan Syarikat Bekerjasama 1948 (Cap. 66) di Sarawak. Nama syarikat bekerjasama telah ditukar kepada koperasi pada tahun 1976.

Ordinan Syarikat Bekerjasama 1948 sejak digubal telah mengalami beberapa pindaan namun yang terpenting adalah pada tahun 1976 yang memasukkan prinsip-prinsip koperasi seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 4 Ordinan tersebut. Pindaan ini penting bagi menjamin bahawa tujuan sesebuah koperasi itu sentiasa diambil perhatian oleh-oleh ahli-ahlinya terutama oleh pihak pengurusan koperasi supaya kebajikan dan kesaksamaan ahli di dalam gerakan koperasi diutamakan. Ia juga untuk mengelakkan eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu yang ingin menubuhkan suatu badan perniagaan atas nama koperasi sedangkan sepatutnya badan tersebut ditubuhkan melalui Akta Syarikat 1965.²⁰ Dengan itu pemasukan prinsip-prinsip koperasi sebagai undang-undang menjadikan prinsip koperasi satu aspek positif yang dijamin oleh undang-undang dan bukan lagi menjadi satu isu moral atau falsafah sesebuah syarikat koperasi.

¹⁸ Hamat @ Mustafa Abd Rahman, "Aktiviti Berkoperasi Dari Kacamata Islam", *Seminar Ke Arah Pembangunan Koperasi: Satu Pendekatan Semula*, 15-17 November 1989, Kuala Lumpur, hh.19 & 33.

¹⁹ W.M.Chik, *Bagaimana Mengendalikan Koperasi*, Marwilis Publisher, 1990, h.25.

²⁰ L.J. Fredericks, "Cooperative Law and Malaysian Cooperative Legislation", *Kajian Ekonomi Malaysia*, volume 4, number 1 (Jun 1967), h.35.

Pada tahun 1983 Ordinan Syarikat Bekerjasama telah disemak dan diperbaiki beberapa peruntukan undang-undangnya dan dikenali dengan Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983) (Akta 287). Sebelum itu pada tahun 1978 kerajaan telah meluluskan satu undang-undang khas berhubung dengan Bank Kerjasama Rakyat (Akta 202) bagi mengambil alih pengurusan Bank Rakyat yang mengalami masalah kewangan yang melibatkan jumlah sebanyak RM6 juta pada tahun sebelumnya. Akta Koperasi sekali lagi mengalami perubahan besar pada tahun 1993 apabila Akta 287 dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Tujuan akta baru ini ialah untuk menyatukan semua undang-undang koperasi di antara negeri-negeri di semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Begitu juga antara tujuan akta baru ini adalah untuk memperkukuhkan amalan ketelusan dan demokrasi pengurusan di dalam sebuah koperasi dengan menekankan pemberian kuasa kepada anggota dalam hal yang berkaitan dengan pelaburan, belanjawan dan kawalan dalaman di mana keputusan penting dibuat hanya dengan persetujuan dan pengetahuan anggota.²¹ Ia juga memberikan beberapa kelonggaran kepada syarikat koperasi terutama kebenaran untuk menubuhkan subsidiari (seksyen 19).

Namun masih terdapat dua bentuk koperasi yang tidak dikawal oleh akta yang baru ini iaitu Koperasi Pertanian yang kawal selia oleh Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah peruntukan undang-undang Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) dan Koperasi Nelayan yang dikawal selia oleh Lembaga Kemajuan Perikanan yang ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971 (Akta 44). Manakala penyeliaan koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 dilakukan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Jabatan ini berasal daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama yang ditubuhkan pada tahun 1922 dahulu. Oleh yang demikian melalui perkembangan masa pertubuhan-pertubuhan koperasi di Malaysia adalah pelbagai dan berada di bawah seliaan sekurang-kurangnya tiga badan berkanun iaitu:

- (i) Jabatan Pembangunan Koperasi di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi
- (ii) Bank Rakyat Malaysia juga di bawah kementerian yang sama di atas
- (iii) Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan melalui Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 110). Lembaga ini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian
- (iv) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49). Lembaga ini juga diletakkan di bawah Kementerian Pertanian

²¹ <http://www.jpk.gov.my/akta.html>.

Setakat tahun 1998 terdapat 3,933 buah koperasi yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi di Malaysia dengan keanggotaan sebanyak 5.18 juta orang dengan modal syer sebanyak RM3.09 billion.²² Krisis kewangan Koperasi Pengambil Deposit pada tahun 1986 yang menyebabkan kerajaan membeku aset sebanyak 24 koperasi supaya siasatan dapat dijalankan ke atas koperasi-koperasi tersebut telah menyebabkan satu undang-undang yang lebih tegas diadakan bagi mengawal institusi kewangan yang menerima deposit daripada orang ramai diadakan. Pada tahun 1989 Bank Negara Malaysia melalui Akta Institusi Kewangan dan Perbankan seksyen 91 telah diberi kuasa untuk menyelia mana-mana institusi kewangan yang tidak berjadual yang mempunyai masalah kewangan. Pertubuhan koperasi melalui peruntukan ini ditafsirkan sebagai institusi kewangan yang tidak berjadual. Oleh yang demikian secara tidak langsung Bank Negara Malaysia juga mempunyai kuasa seliaan ke atas koperasi sekiranya membabitkan kepercayaan ahli dan orang ramai ke atas jaminan simpanan mereka di dalam koperasi itu.

Undang-Undang yang Mengawal Pertubuhan Koperasi*

Terdapat empat undang-undang yang bertindak mengawalselia pertubuhan koperasi di Malaysia seperti berikut:

- (i) Akta Koperasi 1993 (Akta 502)²³
- (ii) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109)
- (iii) Akta Persatuan Nelayan 1971 (Akta 44)
- (iv) Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1976 (Akta 202)

²² [Http://www.jpk.gov.my/gerstatistik.html](http://www.jpk.gov.my/gerstatistik.html) dan Zainal Abidin Hashim, "Penerapan Unsur-unsur Korporat Dan Keislaman Dalam Koperasi", di dalam Nik Hashim Mustapha et.al. (eds.), *Pascasidang Seminar Antarabangsa Prospek dan Cabaran Ekonomi dan Pengurusan Dalam Pembangunan Industri Abad Ke-21*, UKM/USK, 1994, hh.86-87.

* Halaman ini dan seterusnya sehingga akhir dipetik dari kertas kerja sampingan bertajuk "Beberapa Isu Perundangan Islam di dalam Amalan Koperasi di Malaysia" di dalam *Nadwah Koperasi Islam*, Petaling Jaya, 15 Julai 2000, hh.1-10. Beberapa tambahan, ubahsuaian dan pembaikan telah dilakukan.

²³ Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peraturan undang-undang ini lihat Ooi Beng Choo, "Introductory Notes On Co-Operative Societies Act", di dalam Salleh Buang et.al. (eds.), *Co-operative Societies Act 1992*, Central law Book Corporation 1993, hh.4-6 dan L.J. Fredericks, "Cooperative Law and Malaysian Cooperative Legislation", hh.30-45.

Kesemua akta-akta ini memperuntukkan undang-undang bagi pendaftaran, pengawalan, pengawasan, seliaan koperasi-koperasi, menggalakkan perkembangan koperasi dan lain-lain perkara yang berkaitannya. Di bawah akta-akta ini terutama Akta Koperasi, Akta Pertubuhan Peladang dan Akta Persatuan Nelayan terdapat pelbagai peraturan yang digubal bagi memperhalusi perjalanan dan pengawasan syarikat-syarikat koperasi. Antara peraturan tersebut ialah:

Peraturan-peraturan Koperasi 1995

Peraturan-peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 1996

Peraturan-peraturan Koperasi (Fee) 1997

Peraturan-peraturan Tribunal Koperasi 1998

Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983

Jika diperhatikan kesemua undang-undang dan peraturan-peraturan ini adalah bertujuan untuk mengawal selia kegiatan syarikat-syarikat koperasi tersebut. Untuk meringkaskan perbincangan di sini perhatian hanya akan ditumpukan kepada Akta Koperasi 1993 sebagai model kerana akta-akta lain seperti Akta Pertubuhan Peladang dan Akta Persatuan Nelayan pada dasarnya hampir sama bentuknya dengan Akta Koperasi ini. Tambahan pula Akta Koperasi 1993 adalah terlebih luas pemakaiannya dan mengandungi peruntukan yang lebih banyak dan mutakhir daripada undang-undang lain. Akta Koperasi secara umumnya mengandungi perkara-perkara berikut:

- (1) Tatacara pendaftaran syarikat koperasi dan penerangan kepada bentuk-bentuk syarikat koperasi.
- (2) Kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab sesebuah koperasi yang berdaftar (terutamanya mengadakan perlembagaan koperasi yang mengikat semua ahli-ahli serta menerangkan tujuan dan hasrat koperasi tersebut serta menjelaskan kaedah atau cara perjalanan koperasi).
- (3) Penerangan kepada hak-hak dan liabiliti anggota koperasi seperti kelayakan menjadi anggota dan hak untuk mengundi serta lain-lain perkara yang menyentuh pegangan dan pemindahan modal atau syer ahli.
- (4) Penerangan mengenai pengurusan koperasi seperti pengendalian mesyuarat agung tahunan, perlantikan lembaga pengurus dan penerangan mengenai kuasa dan tanggungjawab lembaga tersebut.
- (5) Penerangan dengan bentuk-bentuk harta dan perniagaan koperasi. Bahagian ini dikira paling penting kerana ia menerangkan bagaimana sesuatu koperasi itu boleh bergerak untuk mencari harta dan pinjaman kepada ahli-ahli dan bukan ahli.

- (6) Penerangan mengenai penyelenggaraan akaun koperasi dan kewajipan-kewajipan audit sesebuah koperasi
- (7) Penerangan mengenai kuasa-kuasa Ketua Pendaftar Koperasi ke atas pemeriksaan, siasatan, pembubaran dan pertikaian dalaman sesebuah koperasi.

Oleh kerana Akta Koperasi banyak menumpukan kepada perkara yang membabitkan penyeliaan kecuali beberapa perkara khusus tertentu seperti kelayakan kontrak, penerimaan deposit, kaedah pemberian pinjaman dan pelaburan maka aspek-aspek umum perniagaan sesebuah syarikat koperasi tertakluk kepada undang-undang lain negara seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957, Akta Sewa Beli 1967, Akta Bank 1989 dan Akta Insurans 1963 (jikalau koperasi itu menjalankan aktiviti perniagaan bank dan insurans), dan lain-lain akta yang berkaitan dengan perniagaan dan perdagangan. Sebagaimana yang dimaklumi kesemua akta-akta ini berasaskan kepada undang-undang moden yang dipetik daripada undang-undang England dan sedikit sebanyak daripada Amerika Syarikat, Australia dan Kanada serta lain-lain negara komonwel. Sungguhpun demikian mengikut beberapa kajian perbandingan yang dibuat tidaklah semua aspek undang-undang ini dikatakan bertentangan dengan undang-undang Islam.²⁴ Hanya aspek-aspek tertentu sahaja seperti kontrak masa hadapan, pengenaan faedah, penjualan barangan belum wujud, kebebasan memasukkan syarat di dalam kontrak tanpa batasan dikatakan bertentangan dengan undang-undang Islam.²⁵

Beberapa Peruntukan di dalam Undang-Undang Koperasi dan Perbandingannya Dengan Undang-Undang Islam

Meneliti kepada Akta Koperasi beberapa aspek yang menyentuh undang-undang Islam boleh dibincangkan sebagaimana berikut²⁶:

²⁴ Lihat kajian-kajian perbandingan seperti Mohd. Ali Baharum, *Misrepresentation: A Study of English and Islamic Contract Law*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1988 dan Parviz Owsia, *Formation of Contract: A Comparative Study Under English, French, Islamic and Iranian Law*, London: Graham dan Trotman, 1994.

²⁵ Lihat kajian perbandingan di dalam artikel saya "Kebebasan Berkontrak Di dalam Undang-undang Islam" *Jurnal Syariah*, Jilid 1, Bilangan 2, Julai 1993, hh.243-268 dan buku saya, *Studies in the Islamic law of Contracts: The Prohibition of Gharar*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2000, hh.7 dan 104-123.

²⁶ Untuk perbincangan lanjut mengenai aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan koperasi secara Islam lihat Zainal Abidin Hashim, *op.cit.*, hh.93-102.

Prinsip Koperasi

Pelbagai definisi telah diberikan untuk menghuraikan bentuk syarikat koperasi. Profesor Ungku Aziz menakrifkan koperasi sebagai suatu fahaman di mana penganutnya bergiat menguruskan pengeluaran, penggunaan, pemasaran atau simpanan dan pinjaman dan sebagainya dengan tujuan menolong satu sama lain tanpa matlamat mencari keuntungan perseorangan.²⁷ Manakala takrif yang mutakhir seperti yang diputuskan di Congress of the International Co-operative Alliance di Manchester pada September 1995 ialah: “A Co-operative is an autonomous association of persons united voluntarily to meet their common economic, social and cultural needs and aspirations through a jointly-owned and democratically controlled enterprise”²⁸

Sebahagian daripada definisi di atas telah diperuntukkan oleh Akta Koperasi di dalam seksyen 4(1) seperti berikut: “sesuatu pertubuhan yang terdiri daripada orang-orang individu sahaja dan yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi...”. Prinsip-prinsip koperasi ini pula diperuntukkan di dalam seksyen 2 sebagaimana berikut:²⁹

- (a) Keanggotaan sukarela dan terbuka
- (b) Pengurusan yang demokratik
- (c) Pulangan terhad atas modal yang disumbangkan oleh anggota-anggota
- (d) Pembahagian keuntungan dengan saksama
- (e) Penggalakkan pendidikan koperasi dan
- (f) Kerjasama aktif di kalangan koperasi-koperasi berdaftar

Peruntukan ini penting kerana ia menjamin kewujudan identiti sesebuah syarikat koperasi yang berasaskan kepada kerjasama dan tolong menolong sesama ahli dan pengurusan yang bersifat demokratik. Prinsip-prinsip tolong-menolong, bantu membantu dan pengurusan yang bersifat demokratik adalah selaras dengan dasar Syariah.³⁰ Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa konsep koperasi adalah sah di sisi Islam dengan syarat pembentukan akadnya dibuat berdasarkan kepada kerelaan,

²⁷ W.M.Chik, *op.cit.*, hh.1-2.

²⁸ Di petik dari Profesor Ungku Abdul Aziz, “Co-operatives Adopt A New Set Of Principles”, *New Sunday Times*, 17.3.96.

²⁹ Untuk perbincangan lanjut prinsip-prinsip koperasi seperti di dalam Akta ini lihat Profesor Ungku Abdul Aziz, *Prinsip-prinsip Koperasi*, Angkasa, 1983, hh.4-24.

³⁰ Untuk bacaan lanjut mengenai sokongan dari ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah terhadap prinsip-prinsip koperasi lihat Profesor Ahmad Ibrahim, “Penyesuaian Perundangan Koperasi Dalam Islam”, di dalam *Seminar Pelaksanaan Sistem Kredit Islam Dalam Koperasi*, 21-

tujuannya halal di dalam undang-undang Syariah dan tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh Syarak seperti riba dan penindasan serta penipuan maka sudah tentulah pembentukan syarikat koperasi ini sah. Syarat-syarat di atas adalah perlu kerana semata-mata bergantung kepada prinsip-prinsip koperasi seperti yang diperuntukkan di dalam undang-undang tidak akan menjadikan sesebuah koperasi itu selaras dengan ajaran Islam.³¹

Bentuk Akad Syarikat Koperasi

Menjadi satu kesalahan umum membuat anggapan bahawa konsep syarikat atau company yang mana termasuk di dalamnya syarikat koperasi bersamaan dengan akad *syirkah* atau *musyarakah* di dalam undang-undang Islam.³² Sebenarnya bentuk syarikat kerjasama ini tidaklah sama dengan akad *syirkah* atau *musyarakah* yang terdapat di dalam undang-undang Islam. Akad *syirkah* adalah berbentuk perkongsian di antara dua orang atau lebih.³³ Manakala akad syarikat koperasi sebagaimana mengikut Akta Koperasi 1993 di dalam seksyen 9 yang menjadikannya melalui pendaftaran sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang melalui namanya mempunyai hak untuk memegang harta, mengikat perjanjian dan berkuasa membuat dakwaan dan didakwa. Penubuhan sesebuah koperasi pula sebagaimana di dalam seksyen 5(1) (a) dan (b) boleh ditubuhkan oleh mana-mana orang perseorangan yang mempunyai kelayakan yang mencukupi sebagaimana di dalam seksyen 26 dengan jumlah mereka tidak kurang daripada seratus orang. Manakala urusan perniagaan koperasi diuruskan oleh suatu Lembaga yang tidak kurang dari enam orang dan tidak lebih dari lima belas orang anggota dari ahli koperasi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 42 Akta Koperasi. Lembaga ini dilantik dari kalangan ahli koperasi melalui mesyuarat agung tahunan koperasi oleh ahli-ahli.

22 September 1985, Petaling Jaya, hh.1-5 dan Hamat @ Mustafa Abd Rahman, *op.cit.*, hh.2-5.

³¹ Untuk alasan-alasan mengapa prinsip koperasi tidak memadai menjadikan sesebuah koperasi sebagai selaras dengan Islam lihat Dr. Uzir Abdul Malik, "Perkembangan Koperasi Dalam Sistem Ekonomi Malaysia", di dalam *Seminar Koperasi Kebangsaan: Peranan, Sumbangan dan Prospek Koperasi Masakini*, 10-11 Januari 1987, Bangi, hh.2-4.

³² Rashid Dail, "Konsep Syarikat Koperasi Dalam Islam", di dalam *Seminar Koperasi dalam Masyarakat Islam*, 27 Feb - 2 Mac 1978, Bangi.

³³ Untuk perbincangan lanjut akad *syirkah* dapat dilihat di dalam buku terbaru Profesor Dr. Razali Nawawi, *Islamic Law on Commercial Transactions*, CT Publications Malaysia, 1999, hh.156-60 dan Ala' Eddin Kharofa, *Transactions in Islamic Law*, A.S.Nordeen, 1997, hh.166 ff.

Bentuk akad koperasi seperti yang diterangkan di atas sudah tentulah berbeza dengan akad *syirkah* terutama *syirkah 'inan* yang dikenali di dalam fiqh kerana tiga faktor berikut:

- (1) Jumlah pengkongsy akad tersebut dihadkan sekurang-kurangnya seratus orang. Sedangkan di dalam akad *syirkah* jumlah minimum akad tersebut hanyalah dua orang.
- (2) Sebahagian besar pengkongsy tidak aktif di dalam perniagaan kerana pengurusan koperasi hanya diuruskan oleh semaksimumnya lima belas orang ahli koperasi yang dilantik.
- (3) Bentuk perniagaan syarikat bukanlah di atas nama pekongsy sebagaimana di dalam akad *syirkah* tetapi di atas nama pertubuhan perbadanan koperasi itu.

Kedudukan akad syarikat ini juga berbeza dengan akad *mudarah* kerana pengurusan syarikat tersebut dikendalikan oleh pekongsy yang juga pemegang modal di dalam koperasi. Oleh yang demikian kedudukan koperasi merupakan satu bentuk baru akad muamalah di dalam undang-undang Islam. Di dalam undang-undang Inggeris syarikat adalah kontrak persetujuan di kalangan pemegang saham untuk menubuhkan syarikat yang mempunyai lembaga perundangan atau *legal entity* atau *syakhsiyyah i'tibariyyah* yang boleh menjalankan perniagaan di atas namanya sendiri. Pemegang saham akan menerima keuntungan atau kerugian serta menerima apa-apa faedah atau menanggung apa-apa liabiliti melalui pegangan saham masing-masing yang berbagai-bagai bentuknya.³⁴

Persoalannya apakah hukum syarikat di dalam bentuk baru ini? Syaikh 'Abd al-Rahman 'Isa menghuraikan konsep syarikat di dalam bentuk baru dengan katanya: "Konsep syarikat atau *company* seperti yang diperkatakan oleh ahli-ahli perundangan moden pada masa kini tidaklah diketahui oleh fuqaha kerana konsep tersebut tidak wujud pada zaman mereka. Apa yang wujud di dalam undang-undang Islam ialah akad *musyarakah* di dalam empat bentuk (iaitu *'inan*, *abdan*, *wujuh* dan *mufawadah*)... Jika syarikat-syarikat moden itu ditubuhkan bertujuan untuk bergiat di dalam kegiatan perniagaan atau perusahaan yang tidak mempunyai kaitan dengan riba dan perolehan secara haram dan sentiasa di dalam pengawasan undang-undang jauh daripada kezaliman dan eksploitasi serta terdapatnya jaminan terhadap hak-hak pemegang

³⁴ Untuk bacaan lanjut lihat Lee Mei Pheng, *General Principles of Malaysian Law*, Penerbit Fajar Bakti, 2nd ed., 5th impression 1996, hh.270ff. dan Mohamad Sabri Yusoh dan Shapiai Abd Rahman, *Asas Undang-undang Perniagaan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hh.5-9.

saham serta tidak mengandungi unsur-unsur pergaduhan dan perselisihan ... maka sekiranya sebuah syarikat tersebut di asaskan atas dasar muamalah yang adil seperti di atas maka ia adalah sebuah syarikat yang sah dan halal tanpa syak lagi. Mudah-mudahan Allah memberi ganjaran kepada mereka yang memperkenalkan bentuk syarikat seperti ini".³⁵

Mengenai persoalan had jumlah minimum ahli sesebuah koperasi sebagaimana yang disyaratkan oleh undang-undang tidaklah boleh dianggap bertentangan dengan undang-undang Syariah kerana masalah ini menyentuh soal pentadbiran dan kuasa *siyasah* pemerintah. Perkara tersebut dibuat berasaskan kepada *masalah* dan pemerintah boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan perlu dan wajar. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa bentuk syarikat koperasi yang ada pada hari ini adalah sah mengikut undang-undang Islam dan ianya merupakan satu bentuk baru akad syarikat yang berbeza dengan bentuk-bentuk akad *syirkah* yang dikenali di dalam fiqh Islam.

Kelayakan Menjadi Ahli Koperasi

Seksyen 26 Akta Koperasi memperuntukkan bahawa kelayakan untuk menjadi ahli koperasi mestilah seorang warganegara Malaysia, mencapai umur lapan belas tahun dan samada bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah di dalam kawasan operasi koperasi asas. Syarat-syarat kelayakan ini adalah selaras dengan hukum Syarak samada dari segi hukum fiqh ataupun *siyasah syar'iyah* pemerintah terutama dalam soal kerakyatan dan syarat pemastautinan. Namun seksyen 26 juga memberi kebenaran kepada kanak-kanak yang mencapai umur dua belas tahun menjadi ahli koperasi sekolah. Perkara ini mungkin akan menimbulkan persoalan dari segi hukum terutama kesahihan akad seorang kanak-kanak yang belum akil dan baligh. Sebagaimana yang dimaklumi di dalam fiqh Islam akad seorang kanak-kanak yang belum baligh itu dalam perkara yang tidak jelas kebaikan dan keburukannya bergantung kepada kelulusan atau izin penjaganya.³⁶ Oleh kerana kanak-kanak yang berumur dua belas tahun sudah dianggap *mumayyiz* maka penyertaan mereka di dalam koperasi sekolah adalah sah dari segi hukum syarak setelah mendapat persetujuan daripada ibu-bapa atau penjaga mereka.

³⁵ Syaikh 'Abd al-Rahman 'Isa, *al-Mu'amalat al-Hadithah wa Ahkamuha*, Matba'ah Mukhaymar, t.t., h.58.

³⁶ Ali al-Khafif, *Ahkam al-Mu'amalat al-Syar'iyah*, Dar al-Fikr al-'Arabi, t.t., h.243.

Seksyen 27 Akta Koperasi pula memperuntukkan anggota yang tidak layak menjadi ahli koperasi iaitu orang yang tidak upaya dari segi mental, seorang yang bankrap dan telah melakukan kesalahan di bawah Akta Koperasi. Peruntukan ini adalah selaras dengan undang-undang Islam kecuali melakukan kesalahan di bawah Akta Koperasi boleh dimasukkan di bawah konsep *siyisah*.

Pindahan Syer dan Wang Anggota Orang Islam yang Meninggal

Pada masa dahulu terdapat rungutan bahawa Akta Koperasi 1948 bukan sahaja tidak selaras dengan hukum Syariah dalam masalah penamaan waris. Di dalam kes *Re Ismail bin Rentah (Deceased)*³⁷ mahkamah memutuskan perkataan penama seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 Enakmen Syarikat Bekerjasama 1922 tidak memansuhkan undang-undang Islam di dalam masalah pewarisan yang merupakan undang-undang asas di Tanah Melayu. Oleh yang demikian penamaan tidak boleh membatalkan hak-hak waris yang lain untuk menerima pusaka ahli koperasi yang meninggal dunia. Keputusan kes ini disahkan oleh Akta Koperasi 1993 yang membuat peruntukan secara jelas mengenai pindahan syer dan wang simpanan anggota orang Islam yang meninggal. Seksyen 24(1) (a) memperuntukkan bahawa koperasi boleh memindah syer atau kepentingan anggotanya yang meninggal dunia kepada wakil simati di sisi undang-undang atau orang yang berhak menurut undang-undang pusaka Islam yang berkuatkuasa. Seksyen 24 (3) pula memperuntukkan bahawa selepas enam bulan kematian dan tiada permohonan untuk perpindahan kepada mana-mana waris pihak koperasi boleh memindahkan wang-wang tersebut kepada Pentadbir Pusaka. Peruntukan ini jelas selaras dengan undang-undang Islam di mana pembahagian harta ahli yang meninggal dunia dibuat mengikut hukum pusaka Islam.

Namun persoalan yang boleh dibangkitkan di sini ialah wang-wang dan syer-syer orang-orang Islam yang tidak mempunyai waris seharusnya dikembalikan kepada baitulmal. Di dalam hubungan ini perkataan pentadbir pusaka di dalam Akta berkenaan hendaklah difahami sebagai pihak baitulmal dalam konteks wang atau syer ahli koperasi yang beragama Islam. Di dalam seksyen 5(4) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) diperuntukkan bahawa Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah. Seksyen 60(1) Akta di atas pula memperuntukkan bahawa:

³⁷ [1940] *MLJ* Rep. 77.

“..Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tidak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang kepada Kumpulan Wang”.

Takrif Deposit

Begitu juga terdapat tafsiran deposit di dalam Akta Koperasi menunjukkan bayaran faedah tidak semestinya di bayar. Seksyen 2 Akta tersebut memberi takrif deposit sebagai “wang yang didepositkan oleh mana-mana orang dengan sesuatu koperasi berdaftar dalam akaun tetap atau akaun tabungan atau akaun deposit yang lain...”. Definisi ini hampir sama sahaja dengan definisi pendeposit perbankan Islam sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Bank Islam 1983 seksyen 2 yang berbunyi “mana-mana orang yang mempunyai akaun dengan bank Islam ...”. Jika dibandingkan dengan Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 ternyata terdapat perbezaan dari segi takrif deposit di mana Akta Perbankan dan Institusi Kewangan memperuntukkan deposit di seksyen 2 sebagai: “deposit adalah sejumlah wang yang diterima atau dibayar dengan syarat (a) ia akan dibayar kembali samada dengan faedah atau tidak atau dengan premium atau diskaun (b) jika ia dibayar samada kesemuanya atau sebahagiannya bersama dengan balasan samada dalam bentuk wang atau nilai wang”.³⁸ Ternyata dari perbandingan takrif-takrif ini menunjukkan makna deposit di dalam Akta Koperasi adalah hampir sama dengan Akta Bank Islam. Tambahan pula Akta Koperasi mempunyai takrif berkenaan dividen di dalam seksyen 2 yang berbunyi: “bahagian keuntungan sesuatu koperasi berdaftar yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar modal syer atau modal yuran yang dipegang oleh mereka”.³⁹ Kesemua takrif-takrif ini adalah bersesuaian dengan undang-undang Islam. Ini bermakna syarikat koperasi di dalam menjalankan perniagaan mereka tidak dikehendaki memberi faedah kepada penyimpan mereka atau mengambil faedah daripada pinjaman yang diberikan secara undang-undang. Terpulanglah kepada mereka memikirkan cara-cara yang sesuai bagi menjalankan kegiatan perniagaan mereka dalam bentuk simpanan dan pinjaman kepada ahli-ahli.

³⁸ Lihat Lee Aitken, “When is a deposit not a deposit?”, *Malaysian Current Law Journal*, 1994: 4(Oct.): hh.i-xiv.

³⁹ Terdapat anggapan pada masa dulu bahawa maksud perkataan dividen di sini tidak lain tidak bukan sebagai faedah keatas modal syer (*interest on share capital*). Namun ternyata anggapan ini tidak diterima kerana sekiranya diterima akan menyebabkan perjalanan syarikat koperasi secara Islam terbantut kerana larangan penerimaan faedah. Lihat L.J.Fredericks, “Cooperative Law and Malaysian Cooperative Legislation”, h.35.

Dalam hubungan ini seksyen 50 Akta Koperasi memperuntukkan bahawa harta dan wang koperasi terdiri dari sumber-sumber berikut:

- (1) Yuran masuk ahli yang tidak dikembalikan
- (2) Syer-syer yang dilangani dan dibayar yang daripadanya suatu bilangan minimum tidak boleh dikeluarkan kecuali selpas tamat keanggotaan
- (3) Jika koperasi tersebut bertujuan untuk jimat cermat dan mewujudkan satu sumber kredit maka modal yuran boleh dikenakan
- (4) Simpanan khas anggota
- (5) Deposit daripada anggota dan bukan anggota
- (6) Pinjaman daripada anggota dan bukan anggota
- (7) Lebihan yang di bawa ke Akaun Rizab
- (8) Derma dan pemberian

Sumber-sumber 4 sehingga 8 tidak menimbulkan persoalan dari segi hukum Islam kerana ianya adalah berbentuk tabungan atau simpanan yang selaras dengan hukum *wadi'ah* atau pinjaman (*qard*). Manakala sumber kedua dan ketiga ialah modal akad syarikat koperasi yang telah dinyatakan hukum keharusannya. Namun sumber pertama mungkin terdapat keraguan terhadap keharusannya kerana bayaran tersebut dianggap *hangus* selepas dibayar oleh ahli. Masalah ini boleh diatasi melalui anggapan bahawa bayaran tersebut adalah sebagai suatu bentuk sumbangan atau *tabarru'* kepada koperasi untuk tujuan-tujuan yang difikirkan sesuai oleh koperasi.

Kaedah Pinjaman⁴⁰ dan Pelaburan

Terdapat rungutan yang dibuat pada masa dahulu mengenai keperluan meletakkan kadar faedah di dalam pinjaman di dalam fasal 81(j) Kaedah-kaedah Persatuan Koperasi 1949.⁴¹ Namun perkara nampaknya telah diatasi melalui Peraturan Baru Koperasi 1995 yang tidak meletakkan syarat tersebut lagi. Seksyen 51(1) Akta Koperasi memberi kebenaran kepada koperasi untuk memberikan pinjaman kepada ahli-ahli

⁴⁰ Untuk perbincangan tambahan mengenai pelaksanaan kredit Islam di dalam koperasi di Pakistan lihat Sallehuddin Abd Ghani "Pelaksanaan Sistem Kredit Islam Dalam Koperasi", *Seminar Pelaksanaan Sistem Kredit Islam Dalam Koperasi*, 21-22 September 1985, Petaling Jaya, hh.1-8.

⁴¹ Ghazali Haji Abdul Hamid, "Kearah Pelaksanaan Sistem Koperasi Islam: Pengalaman KBI", di dalam *Seminar Pelaksanaan Sistem Kredit Islam Dalam Koperasi*, 21-22 September 1985, Petaling Jaya, h.17.

dan pekerja-pekerjanya. Di dalam menjalankan aktiviti memberi pinjaman ini koperasi tersebut hendaklah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang kecil koperasi itu dan kelulusan Ketua Pendaftar Koperasi. Di dalam kes *PP. v. Datuk Haji Harun Haji Idris & Ors.*⁴² diputuskan oleh mahkamah bahawa sesuatu pelaburan mestilah mendapat kelulusan daripada Ketua Pendaftar Koperasi. Di dalam kes ini pelaburan dibuat tanpa mendapat kebenaran Lembaga Pengurus Koperasi dan Ketua Pendaftar Koperasi. Peruntukan ini jelas membenarkan sesebuah koperasi itu memilih mana-mana bentuk pinjaman yang sesuai selagi mana tidak melanggar syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Ini bermakna tidak terdapat halangan dari segi undang-undang kepada sesebuah koperasi untuk menggunakan prinsip-prinsip muamalah Islam di dalam memberikan perkhidmatan pinjaman kepada ahli-ahli dan pekerjanya.

Begitu juga pada masa dahulu rungutan telah dibuat di dalam masalah pelaburan wang atau harta koperasi, di mana cadangan di buat supaya seksyen 33 Akta Persatuan Koperasi 1949 dipinda supaya wang atau harta koperasi dapat dilaburkan dengan cara yang tidak melibatkan riba.⁴³ Perkara nampaknya sudah diatasi oleh Akta Koperasi 1993 melalui seksyen 54 (1) di mana wang-wang berlebihan koperasi boleh dilaburkan di institusi-institusi berikut:

- (1) mana-mana institusi kewangan di bawah Akta Bank 1989
- (2) mana-mana institusi kewangan yang ditubuhkan oleh kerajaan
- (3) mana-mana koperasi berdaftar
- (4) mana-mana bon atau sekuriti yang dikeluarkan di Malaysia dan diluluskan oleh Bank Negara Malaysia
- (5) Syer-syer terbitan baru atau penjualannya yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau mana-mana saham syarikat awam yang diluluskan
- (6) Apa-apa pelaburan dan sekuriti yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah

Peruntukan di atas memberi kebebasan kepada koperasi untuk melaburkan wang-wang mereka di mana-mana institusi kewangan yang bersesuaian dengan matlamat koperasi mereka. Di dalam konteks syarikat koperasi Islam mereka boleh melaburkan wang-wang lebih mereka di dalam institusi kewangan Islam. Cuma satu kekurangan yang mungkin ditambah pada seksyen di atas ialah syarikat-syarikat koperasi boleh melabur wang lebih mereka di mana-

⁴² [1977] 1 *MLJ* 180.

⁴³ Profesor Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, h.7.

mana institusi kewangan di bawah Akta Bank Islam 1983. Tambahan peruntukan ini boleh memberi ruang yang lebih banyak kepada syarikat-syarikat koperasi untuk melaburkan wang-wang lebihan mereka.

Pembayaran Zakat

Telah dicadangkan di pelbagai tempat bahawa di antara ciri-ciri sebuah koperasi Islam ialah pembayaran zakat daripada aktiviti perniagaannya.⁴⁴ Terdapat pelbagai fatwa yang menyentuh pembayaran zakat perniagaan bagi syarikat yang berbentuk *i'tibariyyah*.⁴⁵ Fatwa pertama menyatakan bahawa kewajipan pembayaran zakat terletak kepada pemegang saham manakala fatwa yang kedua terletak kepada syarikat tersebut untuk membayarnya. Dalam konteks badan perniagaan hari ini maka pendapat yang paling sesuai untuk digunakan ialah pihak koperasi sebagai badan perniagaan membayar zakat perniagaannya. Oleh yang demikian keuntungan atau dividen yang diberikan kepada ahli adalah bersih daripada bayaran zakat. Secara amalnya koperasi yang bergerak secara Islam memang sudah membayar zakat perniagaan masing-masing. Namun untuk memberikan keadilan kepada koperasi yang bergerak secara Islam ini pindaan Akta Koperasi harus dilakukan terutama kepada takrif wang lebihan di dalam seksyen 2 untuk juga memberi maksud sebagai “wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh sesuatu koperasi berdaftar bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya dan selepas pembayaran zakat...”. Koperasi yang bergerak secara Islam boleh memasukkan syarat dan keperluan membayar zakat sebagai maksud wang lebihan koperasi di dalam undang-undang kecil koperasi mereka. Pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Bank Islam 1983 seksyen 15(1)(b) yang memperuntukkan: “sebelum sesuatu dividen diisytiharkan bank hendaklah memindahkan sejumlah wang daripada keuntungan bersih ke dalam tabung rizab pada setiap tahun setelah ditolak dari pembayaran zakat...”. Peruntukan ini akan menjadikan tanggungjawab pihak koperasi membayar zakat lebih jelas.

⁴⁴ Zainal Abidin Hashim, “Penerapan Unsur-unsur Korporat Dan Keislaman Dalam Koperasi”, di dalam Nik Hashim Mustapha et.al. (eds.), *op.cit.*, hh.96-97.

⁴⁵ Yusuf Qasim, *Khulasah Ahkam Zakat al-Tijarah wa al-Sina'ah fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1986, hh.88-90

Penubuhan Syarikat Syariah

Oleh kerana koperasi secara Islam bertujuan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan pelaburan secara Islam maka amat penting dipastikan supaya semua aktiviti tersebut selaras dengan ajaran Islam yang sebenar. Namun bukan semua koperasi mampu untuk memastikan supaya semua kegiatan perniagaan dan pelaburannya selaras dengan ajaran Islam. Ini adalah kerana mereka yang mahir di dalam undang-undang muamalah Islam yang juga mempunyai maklumat mengenai aktiviti perniagaan dan pelaburan moden yang serba kompleks adalah amat berkurangan sekali. Oleh itu secara praktiknya tidak semua koperasi Islam mampu menyediakan penasihat Syariah yang mahir dan berkemampuan bagi menyelia kegiatan perniagaan dan pelaburan mereka. Jika pun kesemua koperasi itu mampu menyediakan penasihat Syariah mereka sendiri keadaan ini akan menyebabkan timbulnya pelbagai “fatwa” mengenai kegiatan perniagaan dan pelaburan yang mungkin bercanggah di antara satu sama lain.⁴⁶ Keadaan ini mungkin akan menyebabkan kekeliruan di kalangan ahli-ahli koperasi. Berdasarkan kepada masalah ini amatlah perlu kepada pihak Jabatan Pembangunan Koperasi melantik panel penasihat Syariah bagi memantau kegiatan mana-mana koperasi yang menjalankan aktiviti perniagaan dan pelaburan secara Islam. Fungsi panel ini juga adalah untuk membuat perakuan dan kelulusan mana-mana koperasi yang hendak menawarkan produk-produk secara Islam. Penubuhan panel ini bagi menjamin kepercayaan ahli-ahli koperasi bahawa kegiatan perniagaan dan pelaburan koperasi mereka benar-benar berlandaskan kepada hukum Syarak.

Dari segi pelaksanaan, penubuhan panel ini boleh dibuat dengan membuat pindaan kepada Peraturan Koperasi 1995 yang diletakkan di bawah pengawasan Ketua Pendaftar Koperasi. Penubuhan panel penasihat Syariah ini boleh dibuat melalui tiga cara:

- (i) Melantik Majlis Pengawasan Syariah Bank Negara Malaysia yang sedia ada untuk menasihati dan menyelia kegiatan dan aktiviti perniagaan dan pelaburan koperasi yang menjalankan aktiviti koperasi secara Islam
- (ii) Melantik perunding-perunding Syariah berdasarkan kepada yuran perkhidmatan bagi tujuan penyeliaan dan nasihat kegiatan koperasi secara Islam
- (iii) Menubuhkan sendiri panel tersebut di bawah pejabat Ketua Pendaftar Koperasi

⁴⁶ Alasan ini dikatakan mengapa Majlis Penasihat Kebangsaan Bagi Perbankan Islam dan Takaful ditubuhkan pada bulan Julai 1997. Lihat *The New Straits Times*, 10.7.1997.

Bagi mengemaskan pengawasan ke atas koperasi yang menjalankan aktiviti secara Islam satu arahan atau pindaan kepada perlembagaan koperasi tersebut harus dibuat dengan mensyaratkan bahawa semua kegiatan perniagaan dan pelaburan secara Islam mestilah mendapat kelulusan panel penasihat Syariah Koperasi. Peruntukan ini sebagaimana yang dinyatakan di atas bukan bertujuan untuk menyekat atau menyusahkan koperasi tersebut, tetapi untuk memastikan bahawa kegiatan ekonomi yang dikatakan berasaskan Islam itu benar-benar selaras dengan ajaran Islam dan seterusnya memberi keyakinan kepada ahli-ahli koperasi tersebut.

Penutup

Persoalan mengenai riba atau faedah di dalam amalan syarikat koperasi mungkin merupakan halangan atau cabaran utama pelaksanaan koperasi Islam. Namun perkara ini sudah dapat diatasi melalui beberapa cara mengikut kesesuaian masa dan ketika. Pada masa dahulu masalah riba di atasi di atas dasar darurat di mana para ulama pada masa awal penubuhan Syarikat Kerjasama sebelum peperangan dunia kedua di dapati membenarkan muamalah faedah Syarikat Kerjasama. Alasan kebenaran ini mungkin dibuat atas dasar memilih keburukan yang paling ringan (*akhaff dararayn*) iaitu di antara keburukan faedah Syarikat Bekerjasama atau keburukan pinjaman hutang secara berfaedah daripada peniaga pajak gadai Cina dan ceti India. Malah dikatakan pihak Jabatan Syarikat Kerjasama telah menggunakan fatwa-fatwa yang diperolehi daripada ulama di dalam dan luar negara bagi menerangkan perbezaan di antara faedah yang dikenakan oleh pihak Syarikat dan pihak-pihak lain dengan menekankan bahawa sistem faedah pihak-pihak lain itu amat tidak memuaskan dan menekan.⁴⁷

Arus perubahan masa telah menyebabkan pendapat lama yang menyatakan faedah di dalam amalan koperasi dibenarkan tidak lagi diterima. Sikap ulama pada masa kini terutama pada permulaan tahun 1970an adalah bahawa faedah itu dalam apa bentuk pun adalah haram. Pada masa yang sama undang-undang mengenai koperasi juga turut mengalami perubahan dan pindaan. Sungguhpun pada permulaannya undang-undang yang baru mempunyai halangan dari segi amalan riba ini, peluang bagi pelaksanaan sistem koperasi secara Islam tetap ada. Ini adalah kerana dasar dan falsafah koperasi yang selaras dengan ajaran Islam di samping pengamalan nilai-nilai dan unsur-unsur Islam di dalam kegiatan koperasi boleh diterapkan dengan mudah tanpa

⁴⁷ Abdul Majid, *op.cit.*, h.46. Namun-namun fatwa-fatwa itu mengikut Abdul Majid telah hilang semasa pendudukan tentera Jepun.

memerlukan kepada apa-apa perubahan kepada struktur undang-undang dan ekonomi negara. Perkara ini boleh dilakukan kerana di dalam undang-undang koperasi tidak terdapat halangan atau larangan secara khusus terhadap aktiviti perniagaan secara Islam dan begitu juga tidak terdapat arahan atau syarat secara khusus untuk melakukan sesuatu aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang Islam sebagaimana yang berlaku kepada institusi kewangan yang lain seperti bank.

Cabaran terhadap larangan riba berakhir dengan pengubalan Akta Koperasi 1995 ini dan Peraturan-peraturan Koperasi 1995 yang telah memansuhkan beberapa perkara yang pada masa dahulunya dikatakan bercanggah dengan undang-undang Islam dari segi amalan faedah atau riba. Oleh yang demikian cadangan-cadangan pindaan seperti di atas hanyalah untuk memperkukuhkan dan memperkemaskan aspek-aspek keislaman yang sudah sedia diamalkan oleh koperasi-koperasi yang bergerak secara Islam. Pindaan-pindaan tersebut terutama yang berkaitan dengan pelaburan, makna keuntungan, pembayaran zakat dan penubuhan panel penasihat Syariah akan memantapkan lagi koperasi secara Islam dan menambah keyakinan ahli-ahli koperasi tersebut. Adalah diharapkan koperasi sebagai badan yang menjalankan aktiviti perniagaan dapat menggunakan peluang-peluang yang ada untuk memaju dan memantapkan kedudukan ekonomi orang Islam melalui kegiatan dan aktiviti perniagaan yang berlandaskan hukum Islam yang sebenar.